



Amanah Hartanah Bumiputera – Suntikan Aset Ke-8

Pelaburan Hartanah Berhad (“PHB”), sebagai Penaja dan Maybank Asset Management, sebagai Pengurus Amanah Hartanah Bumiputera (“AHB” atau “Dana”), ingin mengumumkan bahawa pada 29 September 2022, PHB, telah mengikat satu perjanjian untuk menjual kepentingan benefisial dalam Hospital Pakar Damansara 2 dan Kolej Marlborough kepada AmanahRaya Trustees Berhad (“ART”), sebagai Pemegang Amanah Dana, dengan bayaran berjumlah RM650,000,000 yang diselesaikan menerusi penerbitan unit-unit baru AHB. PHB dan ART juga telah bersetuju untuk Menara 1 Sentrum (dahulunya dikenali sebagai 1 Sentrum) digantikan dengan aset yang sama dan disuntik semula pada nilai suntikan yang lebih tinggi melalui notis penguatkuasaan Aku janji Penggantian bertarikh 29 Ogos 2022 dengan bayaran tambahan berjumlah RM150,000,000 yang diselesaikan menerusi penerbitan unit-unit baru AHB sebagai tambahan kepada nilai suntikan semasanya yang berjumlah RM200,000.00.

Menurut Perjanjian Pajak bertarikh 29 September 2022 yang diikat antara PHB dan ART, ART telah memajakkan Hospital Pakar Damansara 2, Kolej Marlborough dan Menara 1 Sentrum kepada PHB dengan sewa pajakan berjumlah RM45 juta setahun kepada Dana untuk tempoh pajakan 10 tahun bermula dari 1 Disember 2022.

Hospital Pakar Damansara 2 merupakan sebuah bangunan hospital 11 tingkat dengan 300 katil berserta 4 aras podium 522 ruang letak kereta. Kolej Marlborough merupakan satu kompleks bangunan kolej untuk sebuah institusi pendidikan antarabangsa dengan kemudahan asrama dan kemudahan lain. Menara 1 Sentrum merupakan sebuah bangunan pejabat 27 tingkat terletak di atas sebahagian daripada sebuah pusat beli-belah 7 tingkat berserta dengan 4 aras medan letak kereta bawah tanah.

Unit-unit AHB boleh dibeli mulai 1 Disember 2022 di semua cawangan-cawangan Maybank, AmBank dan AmBank Islamic di seluruh negara. Sesalinan Prospektus Tambahan Pertama bertarikh 30 November 2022 (yang meminda Prospektus bertarikh 1 Disember 2020) berhubung dengan Suntikan Aset Ke-8 boleh diperolehi daripada www.maybank-am.com.my/product.

Pengumuman ini bertarikh 30 November 2022.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pasukan Khidmat Pelanggan kami di +603 2297 7888 atau e-mel mamcs@maybank.com.my